



# TIBBians

“BEYOND THE HORIZON OF JUST HEALING”

PRODUKSI BADAN KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR

PERCUMA

UNTUK AHLI SAHAJA

BIL 4

ZULHIJJAH 1425/JANUARI 2005

## SIDANG EDITORIAL

*Penasihat:*

AHMAD BAIHAQI AZRAII

*Editor:*

AHMAD SHUIB YAHAYA

*Pengarang:*

AHMAD ZUHDI SURADIN  
HAZWANI JOHARI

*Penyumbang:*

AHMAD MUHAMMIN MUSTAPHA  
FAUWAZ FADZIL NOOR

FARAH YASMIN MOHD JAIS

AHMAD HAikal IDRIS

ABDUL FATAH JAAFAR

*Terbitan:*

PERUBATAN,  
Dewan Malaysia Abbasiah,  
Kaherah, Mesir.

Pihak Editorial mengalu-alukan sebarang sumbangan dalam apa jua bentuk. Sumbangan penulisan akan diteliti dan pihak editorial berhak mengubahsuai hasil penulisan tersebut selagi tidak meminda isi dan idea utama. Segala penulisan samada dari kolumnis atau sumbangan tidak melambangkan pendirian dan identiti PERUBATAN serta terdedah kepada komen, kritikan dan seumpamanya dengan syarat disempurnakan secara profesional dan mematuhi prinsip-prinsip ilmiah. Sumbangan penulisan hendaklah disertai dengan identiti pengirim serta e-mail sebagai tanda pertanggungjawaban terhadap hasil penulisan. Rujukan/sumber adaptasi seeloknya dinyatakan. Sebarang komen membina, idea, pertanyaan, artikel atau sumbangan sila emailkan ke:

[tibbians@lycos.com](mailto:tibbians@lycos.com)

## MUTIARA

*Setiap rumah yang tidak dimasuki tetamu, tidak dimasuki para malaikat.*

*(Anas bin Malik)*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani

*In The Name Of Allah, Most Gracious, Most Merciful*

## ACHEH MENANGIS: KUTIPAN DERMA AHLI-AHLI PERUBATAN

Assalamualaikum w.b.t

Kepada:

Ahli -Ahli

Badan Kebajikan Pelajar-Pelajar Perubatan Malaysia- Mesir (PERUBATAN),

### KUTIPAN DERMA UNTUK MANGSA BENCANA TSUNAMI DI ACHEH

Sebagaimana perkara diatas maka dengan ini Badan Kebajikan Pelajar-Pelajar Perubatan Malaysia Mesir (PERUBATAN) telah melancarkan kutipan derma bagi membantu mangsa bencana Tsunami di Aceh.

2.Kutipan akan dibuat melalui setiap rumah ahli perubatan yang akan diserahkan terus kepada Setiausaha PERUBATAN saudara Mohd Hamdan bin Saparwan atau kepada AJK AJK PERUBATAN yang lain.

3.Wang yang dikutip akan diserahkan kepada Persatuan Pelajar Melayu Aceh (Mesir) yang akan menguruskan wang tersebut untuk disalurkan kepada mangsa-mangsa tersebut.

4.Kutipan akan dilancarkan sehingga Jumaat 14 Januari 2005. Harap Maklum.

Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik. (Al Baqarah 195)

Takwa, Syifa', Rahmah

(MOHD HAMDAN SAPARWAN)

Setiausaha ,

Badan Kebajikan Pelajar-pelajar Perubatan Malaysia Mesir

## PARA PEMBACA YANG BUDIMAN...!!!

Kepada yang masih ingin menghulurkan bantuan untuk pelajar-pelajar Aceh di Mesir, anda amat dialu-alukan berbuat demikian.

Hubungi terus Pejabat Persatuan Pelajar Aceh Mesir: 02-4114892

atau wakil exco Syed Mubarak 010-6868241

- Atau hubungi Presiden PERUBATAN...

## **SILSILAH ADAB**

*Bahagian pertama*

Oleh: Ustaz Fauwaz Fadzil Noor (BA Azhar)  
faz\_albana@hotmail.com

# **TAWADU' DALAM ISLAM**

**Tawadu'** adalah satu sifat yang dituntut oleh Islam. Tawadu' yang diertikan oleh Imam Hassan Al-Basri ialah seseorang itu tidak melihat dirinya lebih daripada orang lain.

Dalam erti kata yang lain tawadu' ini sentiasa akan membuatkan diri seseorang itu menerima kebenaran tanpa ada sebarang takabbur. Di dalam hadith ada menyebutkan Allah mengangkat darjat orang yang bertawadu'.

Sabda Rasulullah SAW:

من تواضع الله ، رفعه الله ؛ ومن تكبر وضعه الله .

*Barangsiapa yang tawadu' kerana Allah, maka Allah akan angkat darjatnya; Dan barang siapa yang takabbur, maka Allah akan rendahkan darjatnya.*

Lihatlah betapa tingginya sifat tawadu' di sisi Allah.

Di antara cirri-ciri tawadu' ialah kita menerima kebenaran daripada sesiapa pun samada orang miskin, kaya, tua atau muda. Terdapat kata-kata ulama yang berbunyi:

تواضع للحق واخضع له وأمد ذكر الله تل قربه .

*Tawadu'lah kepada kebenaran dan tunduklah kepadanya, teruskan berzikir kepada Allah nescaya kamu akan dapat mendekatiNya.*

Apatah lagi bagi seorang pelajar, sifat rendah diri ini amat perlu untuk mendapat ilmu dan keredaan Allah. Golongan yang merendah diri ini disifatkan sebagai عباد الرحمن (hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pemurah)

Sesungguhnya manusia adalah sama kedudukannya melainkan dengan takwa. Firman Allah:

ان اکرمکم عند الله اتقاکم

*Sesungguhnya yng paling mulia antara kamu di sisi Allah adalah yang paling bertakwa.*

## **HADITH NABAWI SYAREEF**

وعن أنس رضي الله عنه، قال : قال رسول الله (ص) : من خرج في طلب العلم فهو في سبيل الله حتى يرجع .  
رواه الترمذی ، والدارمي .

Dan daripada Anas RA, berkata: Rasulullah SAW bersabda: **Barangsiapa keluar dalam menuntut ilmu, maka dia berada atas jalan Allah sehingga dia kembali**. Riwayat Tirmizi dan Darimi

## DARFUR- Penipuan Terbesar 2004

Sabda nabi saw : *bukan daripada golongan kami sesiapa yang tidak mengambil berat mengenai urusan kaum muslimin.*

Selepas puas membalun umat Islam di Iraq, Afganistan dan Palestin, AS meneruskan misi perang salibnya dengan menyebarkan propaganda di Darfur, Sudan. Ramai yang terkeliru dengan isu ini, memandangkan dunia Islam tak kira Malaysia ataupun mesir mengambil sumber-sumber berita daripada yahudi. Bahkan Mesir yang berjiran dengan Sudan pun mengambil sumber daripada yahudi/kuffar dalam sesetengah berita mengenai krisis ini. Justeru hadis Rasulullah saw di atas menguji sejauhmanakah kepekaan kita terhadap saudara seagama.

Kesatuan Afrika (AU) melaporkan bahawa tentera pro kerajaan Sudan dan militia Arab pro kerajaan yang dikenali sebagai 'Janjaweed' atau 'perogol berkuda' menyerang Muslim Afrika, melakukan kekejaman, rogol, dan mengusir mereka dari tempat kediaman.. Manakala Kesatuan Eropah (EU) dan kumpulan hak asasi manusia mendakwa sehingga kini hampir 30 000 orang dibunuhan dan 2.2 juta hilang tempat berteduh.

Semua dakwaan ini tidak lain dan tidak bukan hanyalah ingin memburukkan imej Islam pada pandangan masyarakat dunia. Pentabiran AS bising mengumumkan kepada dunia Darfur dalam bahaya. Pembersihan etnik Muslim Afrika sedang dilakukan oleh Muslim Arab. Peperangan yang berlaku adalah peperangan sesama orang Islam! Imej inilah yang cuba dibentuk dalam pemikiran masyarakat dunia bahawa manusia yang beragama Islam ini tidak bertamadun, membunuh sesama senidiri malah label terorist selayaknya dikalungkan kepada kita. Apa yang menyediakan ramai yang mempercayai laporan-laporan ini tanpa ragu-ragu.

Hakikat sebenar adalah sebaliknya! Darfur jauh sekali daripada dakwaan tersebut. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menafikan berlakunya sebarang pembersihan etnik dan perbuatan rogol serta bunuh secara beramai-ramai. WHO mengesahkan krisis kemanusiaan di Darfur hanya membabitkan isu kekurangan makanan dan kemudahan kesihatan yang berlaku di Negara Afrika yang miskin. Hal ini turut diperakui oleh pertubuhan Global Peace Malaysia yang menghantar misi bantuan ke sana. Malah seorang ahli perlimen Malaysia mendakwa terdapat rakaman gambar yang disiarkan dalam television merupakan gambar di Somalia bukanlah di Darfur.

Sebenarnya krisis di sini bukanlah perkara baru, ianya sudah bermula pada Februari 2003. namun AS hanya menunjukkan minat mereka untuk campur tangan pada 2004 apabila menyedarikekayaan hasil bumi yang ada di Sudan. Ini dijelaskan sendiri oleh Walter Kansteiner, pembantu setiausaha AS ke Afrika : *African oil is of national strategic interest to us, and it will increase and become more important as we go forward.*

Setakat ini hanya Petronas Malaysia dan syarikat dari China yang diberikan konsesi oleh kerajaan Sudan untuk mencarigali minyak di sana. Selain itu Sudan juga kaya dengan uranium yang sudah tentunya menjadi rebutan negara kuasa nuklear. Pembersihan etnik hanyalah istilah yang digunakan AS untuk meraih simpati dunia seterusnya menghalalkan campur tangan mereka dalam politik negara ini. Sebelum ini AS telah memainkan peranan yang besar berdiri di sebalik tabir memberi sokongan kepada tentera Liberal Rakyat Sudan (Sudan People Liberation Army-SPLA). SPLA menuntut kawasan autonomi bagi pengikut kristian dan AS merupakan pembekal senjata, maklumat, latihan, dan taktik ketenteraan.

Hasil dari sinilah timbulnya militia Arab Janjaweed yang dibekalkan senjata oleh kerajaan Sudan memerangi dua kumpulan penentang iaitu Tentera Liberasi Sudan (Sudan Liberation Army-SLA) dan Pergerakan Keamanan dan Keadilan (Justice and Equality Movement-JEM). Kedua-dua kumpulan ini bergerak untuk mendapatkan kuasa selepas mengambil contoh kejayaan SPLA tajaan AS di selatan Sudan. Hasilnya masyarakat dunia yang ditipu oleh media-media menyaksikan kejayaan propaganda ini apabila kerjaan sudan terpaksa menandatangani perjanjian dengan permberotak ini pada 31 disember 2004.

Justeru marilah kita mendoakan sahabat seagama kita di mana sahaja mereka berada. Berhati-hatilah dengan propaganda musuh Islam yang menggunakan segala media yang ada untuk memburukkan imej agama Allah Ta'ala.

Ahmad Muhammin Mustapha  
amuhammin20@yahoo.com

### MUTIARA KATA IMAM SYAFIE

**"Bertemankan seseorang yang tidak ada rasa MALU, akan memalukannya di hari kiamat kelak"**

**"Tiada satu amalan pun yang paling mendekatkan dirimu kepada Allah selepas solat fardhu yang lebih afdal daripada MENUNTUT ILMU"**

-petikan: Imam Syafie, Penghulu Imam dan Pembaharu Ummah (Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu Al- Banjari Al-Makki)

## **ULLABY**

By: helter skelter

Admitting to lack of sleep has always been seen as a badge of pride. It hints at hardness. At someone so busy and full of responsibilities that sleep is a luxury. It is treated as a time of the day that can be borrowed from, for doing far more important tasks. It was recently found that 40% of Britons are sleep deprived. Surely there are more than that; they must be at home, too tired to be polled.

Many evolutionary biologists falter at explaining the logic of sleeping. 7-9 hours of unconsciousness, during which you are deaf, dumb and blind to the world, renders you a vulnerable target for a lioness' lunch, for instance. That doesn't comply with the goal of life (in their view) which are "survival of the fittest" and "passing down your genes". So why do all creatures sleep?

If we think of our brain as a shop, the time we are awake is taken up by "front of shop" activities. Taking in what is heard, seen and read, being social, etc. when asleep, we tend to "back of shop" duties. Filling and sorting through all that we've learned, repairing any damage and generally, making sense of the day. If anything, the more you learn and do during the day, and the more important you are, the more sleep you need to consolidate it all.

How long do you need to sleep? It varies individually. Most experts say 7 hours is optimum for young adults (that's us). The need for sleep decrease as we age. It's interesting to note that, ladies are better at coping with inadequate slumber hour. The fact is, too many nights of too little sleep wrecks your memory, gives you hypertension, impairs your judgment and causes accidents. Ample proof that sleep is absolutely vital – without sleep you can't learn.

So, unless you are a new parent (who can lose up to 700 hours of sleep during their baby's first year) or have a medical problem, there is simply no reason to be sleep deprived. Just get in the duvet and dream!

## **MUTIARA PENUNTUT ILMU**

ولمعة خدتها ولمحة طرفها	سلام على من تيمتني بظرفها
تحيرت الأوهام في كنه وصفها	سبتي وأصبتني فتاة مليحة
شغفت بتحصيل العلوم وكشفها	فقلت : ذريني واعذرني فانتي
غنى عن غناء الغانيات وعرفها	ولي في طلاب الفضل والعلم والتقوى

*Sejahteralah ke atas seseorang yang telah menggodaku dengan lengkok tubuhnya  
Dan dengan mulus pipinya, serta lentik bulu matanya,  
Aku telah ditimpah musibah dek kerana seorang gadis jelita  
Membuatkan aku terbayang-bayang akan dirinya  
Aku berkata:*

*Maafkan aku! Sesungguhnya aku telah disibukkan dengan ilmu dan rahsia-rahsianya  
Dan bagiku dalam menuntut kelebihan, ilmu dan ketakwaan,  
Bebas dari nyanyian para penyanyi dan godaan para penggoda.*

تعليم المتعلم طريق التعلم dipetik dari الشيخ الامام الأجل نجم الدين عمر بن الحسن المرغيناني: Qosidah

## THE LEECH STAGE

**(العلقة)**

*Arranged by HAMADA el-Misriy (intelek@lycos.com), adapted from The Developing Human (3)-Keith Moore & Sheikh Abd Majeed Az-Zindani & from some internet sources.*

**Al-Alaqah** in Arabic has 3 meanings:- Leech, a suspended thing, or a blood clot. The word **العلقة** mentioned 6 times in 5 different ayah in the Quran.

### 1. LEECH

The leech is pear shaped and thrives in blood sucking. In comparing a leech to an embryo in the Alaqah stage, we find **similarity** between the two and this resemblance will be more marked if seen from the side where projection of the neural folds form a median prominence. (fig1)

Furthermore, at this stage the cardiovascular system has started appearing and the embryo, is now dependant on the maternal blood for it nutrition **like a leech**; this aspect is clearly shown in fig2.




FIG 1

### 2. SUSPENDED THING

Fig3 shows the embryo (Alaqah) suspended in the chorionic cavity by the body stalk and is surrounded by fluids of the amnion and yolk sac.

### 3. BLOOD CLOT

The third meaning of the word alaqah is “blood clot.” We find that the external appearance of the embryo and its sacs during the alaqah stage is similar to that of a blood clot. This is due to the presence of relatively large amounts of blood present in the embryo during this stage. Also during this stage, the blood in the embryo does not circulate until the end of the third week. Thus, the embryo at this stage is like a clot of blood.

In addition, if the conceptus at this stage aborts spontaneously, it will **resemble a blood clot**, the meaning given to it by ancient people from the outer appearance of the abortus.




FIG 2




FIG 3

ث

There is a gap between the stages of implantation (Nutfah) and Alaqah and this period is clearly explained by the following ayah:

ثُمَّ خَلَقْنَا النَّطْفَةَ عَلَقَةً (“Then We made the drop into an Alaqah”) <sup>(1)</sup>

The word “thumm” (ثُمَّ) in Arabic is a conjunction indicating a time lag and the ayah will, therefore, mean that **only after some time** “We created the Nutfah into Alaqah”

1. Surah Al-Mukminun, ayah 14

## الطب النبوي (Perubatan Nabi)-siri 3

Ust.Hj Abdul Fatah Hj Jaafar

Tahun 4, Kuliyah Usuluddin

Jabatan Dakwah & Thaqofah Islamiyyah

Universiti Al-Azhar, Kaherah

aqiqnilam\_01@yahoo.com

Puja dan puji yg selamanya buat Malikul Dayyan' yang menguasai kedua alam iaitu alam fizik dan metafizik. Salam kasih sayang buat kekasih seluruh manusia dan makhluuk di setiap generasi dan tamadun yang pernah wujud di kosmos ini.

Telah diakui (sebagaimana tercatat dalam siri 2) manusia memerlukan kedua-dua unsur (jasad & roh) untuk menyeimbangkan fungsi keberadaan manusia di alam ini. Seterusnya kita akan membincangkan pertautan di antara kedua unsur ini dan akibat jika berlakunya ketidakseimbangan atau lebih kritikal dan parah lagi jika keduanya diasingkan atau salah-satunya dinafikan daripada kamus kehidupan!

Bahkan, para saintis moden sendiri masih belum mampu mena'kul bagaimana jasad yang kompleks ini bias berfungsi tanpa adanya roh. Cuma, akibat virus 'pragmatisme' yg terlalu lama meresapi saluran darah 'perubatan moden' maka fungsi roh hanya disempitkan kepada hal-hal yang berkaitan dengan spiritual dan perbincangn agama yang sempit sahaja! Sebenarnya keengganan saintis barat mengakui fungsi roh kepada manusia menzhahirkan lagi kebobrokan dan kebodohan mereka!

Penulis menyeru seluruh para cendiakawan islam khususnya para doktor Islam yang konsisten dengan keislamannya dan pengamal perubatan Islam untuk membuat satu 'kajian akademik' membuktikan kepada 'dunia sais moden' bahawa teori 'pragmatisme ala Darwins' yang diimani saintis barat selama ini adalah terbukti batil dari sudut disiplin akademik mahupun prinsip-prinsip agama dunia.

Cuba fikirkan, bagaimana sistem saraf, perjalanan darah, perkembangan sel dan seumpamanya dapat berlaku dengan sebegitu lancar tanpa melibatkan fungsi roh? Hal ini telah dijelaskan oleh Allah swt dalam firmannya : "Kemudian Dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalam (tubuhnya) ROH (ciptaannya) dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati tetapi sedikit sekali kamu bersyukur" (Surah As-Sajdah ayat 9)

Sedikit menyorot fahaman Pragmatisme' yang kerap disentuh penulis khususnya yang telah disuntik secara halus dalam batang tubuh perubatan barat moden ialah antara lain 'Pragmatisme' telah meletakkan suatu asas bahawa: "setiap sesuatu tidak dianggap sebagai suatu kebenaran sehingga dapat dibuktikan secara eksperimen makmal atau dalam istilah arabnya apa yang difahami sebagai 'At-Tajribah'"

Sedarkah kita teori berbahaya ini secara langsung telah menolak faktor ROH dalam penghidupan manusia. Sedangkan jika diteliti agama Islam sendiri terdiri daripada banyak perkara-perkara ghaib yang perlu diakui dan diimani oleh seluruh muslim seumpama dosa, pahala, syurga, neraka, malaikat, jin, syaitan dan termasuklah ROH itu sendiri yang telah dijelaskan sebelum ini.

Seperitimana jasad zahir manusia memerlukan zat yang diperolehi daripada makanan yang terdiri daripada protein, karbohidrat dan seumpamanya maka hal yang sama berlaku kepada roh manusia, ianya juga memerlukan 'makanannya' yang dalam istilah agama islam apa yang diklasifikasikan sebagai ibadat seperti solat, zikir, puasa, haji, jihad dan banyak lagi yang akan disentuh lebih menyeluruh dalam siri yang akan datang.

Penulis ingin mengambil kesempatan mengucapkan kepada seluruh sahabat PERUBATAN 'Selamat berjaya!' dalam 'TEST' kalian dan tak lupa juga 'Selamat Pergi Haji' kepada tetamu Allah semoga memperolehi haji mabrur, insyaAllah. Jangan lupa doakan kami semua dan umat Islam seluruhnya. Mohon permisi, kita ketemu lagi.wassalam.

**Rabu, 12 Januari 2005= 1 Zulhijjah 1425**


**Perbanyakkan amalan di 10 hari-hari awal Zulhijjah!**

**Juga diucapkan Selamat Berangkat, kepada Para Tetamu Allah**

## HIDUPKU DAN MATIKU HANYA KERANAMU

(Cerpen bersiri-siri ketiga)

hasil naqal : hanglekiu (lekiu\_kal@yahoo.com)  
 tahun dua jam'iah qaherah  
 sumber adaptasi: ---HUDA SOID---[ weblog]



"Amir, dalam surah Al-Baqarah ada menyebut sesungguhnya Yahudi dan Nasrani tidak akan redha kepada kamu, melainkan kamu mengikut millah mereka. Malahan dalam solat kita seharian, ungkapan ghairil maghdu bia'laihim waladhoollin sering disebut. Kau tahu jalan orang-orang yang sesat? Jalan orang Yahudi dan Nasrani yang dilaknat". Bicara yang bersisa disambung. Ada nada keras dalam suara itu.

"Habis kau cuba buktikan kau Salahuddin Al-Ayubi yang kedua? Usah bermimpi di siang hari Haikal". Tanpa memandang Haikal, Amir mengajukan soalan, seolah mengejek.

Haikal senyum.

"Apa salahnya andai itu ditakdirkan. Bangkitlah Amir! Bangkit dari lenamu yang panjang. Bukti kejantananmu, usah dayus dan pengecut!". Kata-kata itu mengakhiri perbualan antara dia dan Amir. Lantas Amir terkulat-kulat ditinggalkan keseorangan. Kecewa mengepung dada. Tidak disangka Amir berfikiran kolot sebegitu. Bukan sehari dua Amir dikenalinya. Malahan bertahun-tahun. Untaian ukhuwah itu telah terjalin lama. Sementelahan Amir teman sepermainannya sejak kecil. Mereka sama-sama membesar di desa yang sama, desa terpencil di Dungun, Terengganu.

Alhamdulillah. Haikal bersyukur. Keluarganya cukup memahami. Pantas kalimah syukur dipanjang kepada Rabbul Izzati. Abahnya tidak membantah, begitu juga dengan ibunya. Malah kuntuman doa dan restu ditaburkan mengiringi perjuangan Haikal. Barangkali darah nenek moyangnya, Haji Abdul Rahman Limbong mengalir dalam diri. Meresap ke segenap urat nadi. Darah pejuang. Haikal masih ingat, malah ingat benar pesanan abahnya sebelum bumi Arab ini diterokanya. 'Abah dulu pernah bercita-cita untuk mati syahid ketika menentang penjajah Inggeris dahulu. Namun hajat itu tidak kesampaian, terhenti di tengah jalan. Tapi abah mahu perjuangan itu kau teruskan Haikal'.

Kata-kata itu acapkali terngiang-ningiang di cuping telinganya. Seolah-olah baru semalam kalimah itu dilafazkan. Harapan abahnya tinggi, mahu melihat Haikal menjadi raja-luddin dan mujahid di jalan Allah. Amanah itu sentiasa melingkar utuh di sanubarinya. Dan Haikal nekad, amanah itu akan ditunaikan walaupun nyawa di hujung pedang.

Haikal mematikan lamunan. Pantas kartu syair karangan penyair terkenal Palestin, Ibrahim Tuqan dicapainya.

*Di hadapan sana tragedi yang menggerunkan. Si muda menjadi tua lantaran kegerunan. Kamu seperti resam kamu yang tidak menghiraukan.*

*Selain daripada sisa yang tidak berharga kesudahan dimusnahkan oleh golongan taghut. Beritanya tersebar jauh ke sana. Tiada mahligai yang kekal abadi untuk penghuninya. Dan tidak juga walau sebuah pondok yang usang.*

"Posto! Posto! posto untukmu Haikal". Muncul Nasir sambil menghulur surat di tangan. Mengganggu pembacaan. Telo keindonesiaannya pekat. "Cewek barangkali", Nasir bergurau sambil tersenyum sumbing. Kerang busuk. "Terima kasih Mas Joko", Haikal juga tidak mahu kalah, gurauan Nasir dibalas. Lantas meledak tawa antara mereka. Surat bertukar tangan. Haikal terkejut. Tenang yang tadinya diam mendiami kalbu hilang entah ke mana. Resah datang bertandang. Tulisan tangan yang cantik dan kemas itu ditatapnya. Zulaika terpacul nama itu.

Haikal dipagut kegelisahan. Mungkinkah tunangnya memahami dirinya? Adakah Zulaika juga seperti Amir, menghalang niat sucinya? Bertalu-talu soalan itu menerjah minda. Namun Haikal bulatkan azam, Zulaika tak mungkin mampu menggugat keputusannya. Bukan itu tujuan cintanya. Cinta manusia rela dikorbankan. Cinta Ilahi itu lebih utama. Itu syarat halaawatul iman. Haikal tidak mahu tewas di tangan seorang perempuan. Nasibnya tidak mahu disamakan dengan Napoleon Bonaparte.

*Assalamualaikum wbt.  
 Saudara Mohd Haikal yang dikasih kerana Allah dan RasulNya.*

*Hasrat murni Haikal telah ummi sampaikan pada Ika petang tadi. Alhamdulillah. Jauh di sudut hati ini, Ika bangga mempunyai seorang tunang seperti Haikal. Yang cekal dan tabah. Yang sanggup menafkahkan jiwa dan raga di jalan Ilahi. Namun jangan sekali-kali tersemat di hati Haikal bahawa Ika penghalang niat sucimu. Demi Allah tidak! Tidak mungkin Ika menjadi penghalang kepada seorang insan yang mencari kasih dan cinta Ar-Rahim. Biarlah Ika menjadi Saidatina Khadijah, pendorong segala kejayaan Rasulullah, suami tercinta. Haikal, Masiikhah Haikal ingat satu kisah di zaman Rasulullah. Seorang gadis yang dipinang oleh Rasul untuk seorang pemuda yang beriman. Namun sebelum bahtera rumah tangga dilayari bersama, pemuda itu syahid, tersungkur di Jabal Uhud. Biarlah takdir Ika seperti gadis itu dan Haikal seperti pemuda itu. Ketepikan rasa cinta buat Ika. Burulah cinta Ilahi. Ika di sini akan sentiasa mendoakan Haikal. Semoga Haikal temui impian yang tergapai.*

*Ayu, majulah pejuang allah.*

*Salam dari kejauhan,  
 Zulaika Nubaila.*

**BAYI TABUNG UJI & Kaedah-kaedah berkaitan**

Susunan: Ahmad Shuib Yahaya

intelek@lycos.com

**1. IVF (In Vitro Fertilization)** atau Persenyawaan luar rahim adalah antara asas bagi Teknologi Pembiakan Gesaan (Basic Assisted Reproduction Technology). Secara asasnya, teori IVF adalah pembiakan berlaku dalam vitro (kaca). Sperma lelaki dan ovum wanita dicampurkan dalam satu piring makmal dengan persekitaran yang sesuai. Setelah disenyawakan, embrio yang terhasil akan dipindahkan ke dalam rahim.

Langkah asas dalam IVF:

- (i) Pengovulasi (merangsang ovari supaya mengeluarkan lebih dari satu ovum dalam satu kitar haid-menggunakan hormon)
- (ii) Pengeluaran ovum
- (iii) Persenyawaan (in vitro)
- (iv) Pengkulturan embrio (dalam makmal)
- (v) Pemindahan embrio ke dalam rahim

**SYARAK:** IVF hanya boleh dilakukan terhadap ***pasangan suami isteri yang sah***, mengalami masalah kesuburan tertentu, oleh pakar dan dipastikan tiada kemudarat yang membahayakan.

**2. Permanian beradas (artificial insemination)** adalah kaedah menyalurkan air mani lelaki ke dalam rahim wanita tanpa melalui jalan biasa (persetubuhan) tetapi melalui alat (radas).

**SYARAK:** Harus bagi pasangan ***suami isteri yang sah***, dilakukan kerana sebab-sebab tertentu (kesihatan, kesuburan dan sebagainya)

**3. Pembekuan embrio** – embrio yang terhasil dari IVF boleh dibeku (-196 C) dan disimpan dalam jangka masa panjang untuk kegunaan kelak. Kaedah ini amat berguna terutama bagi lelaki yang menghadapi masalah kesihatan- contohnya, penyakit akan menjadi kronik dalam tahun-tahun mendatang.

**SYARAK:** Embrio mestilah dari ***pasangan suami isteri yang sah***. Penggunaan embrio untuk kehamilan hanya boleh dilakukan ***selagi berterusan hubungan perkahwinan itu***. (haram setelah bercerai atau setelah kematian suami). Embrio ***tidak boleh digunakan atau dijual kepada pasangan lain***.

**4. Tumpang/Sewa Rahim (Surrogate Mother)** – Dengan menggunakan kaedah IVF, permanian beradas ataupun pembekuan embrio, embrio atau sperma boleh dimasukkan ke dalam rahim asing (pemilik rahim bukanlah pemilik ovum).

**SYARAK:** Pada daurah **الجمع الفقهي الاسلامي** yang ketujuh, ditetapkan bahawa harus menggunakan rahim isteri-isteri lain (poligami) untuk embrio hasil suami dan isteri yang mengalami masalah untuk hamil.

Tetapi, pada daurah berikutnya (8) mereka telah sepakat mengharamkan cara ini setelah perbincangan teliti dilakukan.

Kesimpulannya, ***surrogacy*** atau ibu tumpang ***tidak dibenarkan*** oleh syarak.

Rujukan:

***Bayi Tabung Uji: Perspektif Sains***, Ahmad Shuib Yahaya

***Persenyawaan Buatan & Bayi Tabung Uji Menurut Pandangan Islam***, Hairul Nizam Mat Husain

***Penyewaan Rahim Menurut Pandangan Islam***, Raden Sri Nabahah Ahmad Zabidi

(kertas-kertas kerja ندوة الطب الاسلامي Ogos 2003)